

‘PKP dilaksanakan ikut lokaliti, tertumpu’

Kuala Lumpur: Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) hanya akan dilaksanakan mengikut lokaliti dan secara tertumpu kepada kawasan kluster berkaitan, kata Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Perdana Menteri berkata, langkah berkenaan bermakna PKP menyeluruh merangkumi seluruh negara atau sesuatu negeri, tidak perlu lagi dilaksanakan.

“Dengan mengambil kira pelaksanaan Program Imunisasi

COVID-19 Kebangsaan, kerajaan berkemungkinan tidak perlu lagi melaksanakan PKP secara menyeluruh merangkumi seluruh negara atau sesuatu negeri.

“Kerajaan juga akan melaksanakan strategi kawalan penularan COVID-19 secara lebih bersasar dengan bersandarkan sains dan data untuk mengurangkan impak negatif terhadap aktiviti ekonomi negara,” katanya.

Pada masa sama, Muhyiddin

turut mengumumkan, peruntukan program imunisasi dinaikkan kepada RM5 bilion daripada RM3 bilion sebelum ini, bagi mempercepatkan sasaran imunisasi berkelompok pada Disember ini, berbanding sasaran awal pada suku pertama 2022.

Beliau berkata, bagi mencapai sasaran ini, seramai 15,000 petugas akan ditempatkan di hampir 950 Pusat Pemberian Vaksin (PPV) di seluruh negara.

Katanya, dengan penambahan tugas itu, kerajaan bersetuju memanjangkan Bantuan Khas COVID-19 dengan kadar RM200 sebulan kepada petugas penjawat awam yang terbabit dalam program imunisasi di PPV berkenaan.

“Kerajaan kini sedang melaksanakan pelbagai tindakan kesihatan awam untuk membendung penularan COVID-19, di samping memulakan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan,” katanya.